

TONGA MINAT DAPAT PELABURAN MALAYSIA

NUKUALOFA (TONGA), Selasa — Kerajaan akan mencadangkan kepada beberapa syarikat tertentu di Malaysia seperti Guthrie dan Harrison and Crosfields supaya melabur dalam pembukaan ladang-ladang di Tonga.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata Tonga berminat untuk mendapatkan pelaburan Malaysia.

Ini adalah hasil rundi-

ngannya dengan Perdana Menteri Tonga, Putera Tui-Pelchake, dan Menteri Hal-ehwal Luar dan Pertahanan, Raja Muda Tupoutoa, di sini pagi ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pelaburan berkenaan bolehlah dalam bentuk pembukaan ladang-ladang getah, kelapa sawit, kelapa dan lain-lain tanaman di samping ternakan ikan dan udang.

Di rundingan ini, Perdana Menteri menjelaskan tentang berbagai-bagai kemudahan yang dipunyai oleh Malaysia

yang mungkin berguna dan sesuai kepada iklim dan pembangunan Tonga.

Ita meliputi penyediaan dan kemudahan-kemudahan latihan seperti di Maktab Staf Angkatan Tentera serta latihan dalam pentadbiran dan pengurusan ladang-ladang.

Bellau juga menawarkan kemungkinan penggunaan jenis-jenis kelapa Mawa dari Malaysia untuk diusahakan di Tonga. Tonga telah pun mengimport kelapa pokok rendah dari

Malaysia.

Langkah seterusnya ialah mengimport kelapa Mawa untuk ladang-ladang kelapanya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Ekonomi Tonga bergantung sebahagian besarnya kepada tanaman kelapa dan 60 peratus daripada pendapatan eksportnya dari kelapa.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, bellau mengundang Perdana Menteri, Menteri-menteri dan pegawai-pegawai Tonga untuk melawat Malaysia.

"Sekiranya mereka mendapati pembangunan yang dilaksanakan oleh Malaysia berguna dan mengenal pasti bidang yang mereka minati, kita akan menyediakannya kepada Tonga."

Perdana Menteri kemudian menyampaikan \$100,000 bagi kerja-kerja pemulihan berikutan malapetaka ribut angin yang melanda kepulauan itu Mac lalu. Bencana itu memusnahkan kira-kira 90 peratus daripada tanaman kelapa di pulau utama Tongatapu.

Petang ini, Perdana Menteri dan rombongan tiba di Apia, Samoa Barat, untuk lawatan dua hari.

No. Siri 2817
No. Penerimaan 522/55